

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN
(ROMPIN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12.03.2018

Y.B. DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk menentukan masa depan sistem kewangan Islam, memberi impak yang lebih besar kepada pembangunan ekosistem ekonomi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia kini merupakan antara tiga pasaran perbankan Islam terbesar di dunia. Pada peringkat domestik, aset perbankan Islam merangkumi 29.9% pada akhir tahun 2017 berbanding dengan hanya 14.1% pada tahun 2008. Meskipun sistem kewangan Islam telah mencatat pertumbuhan yang

memberangsangkan, Kerajaan sentiasa menambah baik sistem penyampaian kewangan Islam agar ia dapat menjana impak yang positif kepada rakyat.

Langkah terkini yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) ialah inisiatif Pengantaraan Berteraskan Nilai atau "*Value-based Intermediation*" (VBI). Inisiatif yang berlandaskan nilai-nilai dan prinsip ajaran Islam (maqasid Syariah) ini bermatlamat untuk meningkatkan keberkesanan institusi kewangan Islam supaya dapat memberikan impak yang holistik kepada pertumbuhan ekonomi, komuniti dan alam sekitar. Sebagai contoh, dalam konteks pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), penggunaan VBI bukan hanya diukur berdasarkan keupayaan membayar balik pembiayaan, tetapi juga potensi nilai yang akan dihasilkan oleh PKS tersebut kepada ekonomi dan persekitaran. Konsep VBI ini juga akan menambah baik kualiti layanan dan perkhidmatan institusi kewangan menerusi penzahiran yang lebih adil dan telus di mana pelabur tahu di mana wang mereka di laburkan.

Langkah seterusnya ialah inisiatif pembiayaan sosial berkaitan dengan wakaf bagi memastikan perkembangan positif sistem kewangan Islam. Melalui inisiatif ini, institusi kewangan Islam akan

bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) untuk mengenal pasti projek-projek yang berpotensi untuk dimajukan menerusi Perjanjian Kerjasama Strategik Dana Wakaf. Inisiatif ini diharapkan akan meningkatkan nilai tambah kepada aset-aset wakaf dan seterusnya memberi manfaat yang besar kepada umat Islam di Malaysia.

Langkah-langkah utama lain yang dilaksanakan oleh Kerajaan menerusi BNM ialah penambahbaikan infrastruktur kewangan secara berterusan dan penglibatan pemain pasaran dalam penawaran produk baharu; seperti yang berikut :

i) Pengukuhan rangka kerja perundangan, pengawalseliaan dan pematuhan Syariah, khususnya melalui penggubalan akta khusus untuk kewangan Islam iaitu Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013 untuk memastikan kestabilan sistem kewangan Islam dan aspek Syariah dipatuhi sepenuhnya oleh institusi kewangan Islam. Penerbitan 12 piawaian Syariah oleh BNM pula memberi garis panduan yang jelas dan komprehensif mengenai kontrak-kontrak Syariah dan aplikasi operasinya; dan

ii) Penglibatan institusi kewangan Islam secara lebih aktif dalam ekonomi sebenar menerusi langkah-langkah seperti berikut :

- Memperkenalkan Akaun Pelaburan (*Investment Account*)

yang menawarkan saluran pelaburan baharu bagi memberi pilihan risiko-pulangan yang lebih pelbagai oleh para pelabur, lantas menyumbang kepada pembiayaan keusahawanan dalam sektor ekonomi benar;

- Melebarkan penawaran peluang pelaburan menerusi Platform Akaun Pelaburan (*Investment Account Platform, IAP*) yang dikendalikan oleh institusi perbankan Islam. Sejak ditubuhkan pada 2016, IAP telah berjaya menyalurkan dana pelaburan sebanyak RM115 juta untuk membiayai tujuh buah syarikat; dan
- Menerima pakai prinsip pelaburan mampan dan bertanggungjawab menerusi penerbitan sukuk hijau yang pertama di Malaysia dan di dunia oleh Tadau Energy yang digubal berasaskan rangka kerja "*Sustainable and Responsible Investment Sukuk*" yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC).

Manakala, di peringkat antarabangsa, Kerajaan juga berusaha untuk memperkasakan kedudukan Malaysia sebagai hab kewangan Islam dengan kaedah-kaedah seperti berikut :

- i) Memudah cara dan menyebarkan luas urusan niaga kewangan rentas sempadan melalui perkongsian kepakaran dan perkongsian

93

prasarana kewangan Islam dengan pelbagai negara, termasuk United Kingdom, Hong Kong, Turki, Indonesia dan Jepun, menerusi hubungan dua hala yang lebih erat. Dalam konteks penerbitan sukuk, beberapa institusi perbankan tempatan telah dilantik sebagai pengatur utama (*lead arranger*) untuk beberapa terbitan sukuk pada peringkat antarabangsa dalam mata wang selain Ringgit. Empat bank tempatan telah memperoleh mandat selaku pengatur utama di kalangan 10 pengatur utama sukuk global pada tahun 2017; dan

ii) Membangunkan kapasiti modal insan serta penyelidikan melalui institusi pendidikan kewangan Islam untuk menyediakan latihan, pendidikan dan penyelidikan. Kerajaan, menerusi BNM telah menubuhkan International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF) bagi menghasilkan graduan yang berkaliber dalam kewangan Islam. Sehingga kini, INCEIF telah melahirkan 1,332 graduan dari 72 buah negara. Selain itu, International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA) juga memainkan peranan penting sebagai pusat penyelidikan Syariah dan kini telah diiktiraf sebagai salah satu peneraju utama dalam penyelidikan kewangan Islam di seluruh dunia. ISRA juga merupakan penyumbang utama penyelidikan kewangan Islam global antara tahun 2011-2013. Pada tahun 2017, ISRA merupakan pemenang Anugerah Ekonomi Islam yang

berprestij (dalam kategori Infrastruktur Pengetahuan Ekonomi Islam) yang dianjurkan oleh Dubai Islamic Economy Development Centre. Berdasarkan kemajuan yang telah dicapai, Malaysia bukan sahaja mampu menghasilkan kapasiti modal insan yang berkualiti tinggi malah membuka peluang untuk mengeksport bakat dan kemahiran kewangan Islam ke pelbagai negara.

Sehubungan itu, inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan ini bukan sahaja boleh merintis masa depan kewangan Islam tetapi juga memberi impak kepada ekosistem ekonomi negara dan global.